

**LENCONGAN TRAFIK
DI LALUAN ANTARA BUKIT GAMBIR-TANGKAK DI KM165.35 HINGGA
KM166.60 (ARAH UTARA) DI LEBUHRAYA UTARA-SELATAN
BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN JALAN**

Petaling Jaya, 17 Ogos 2026:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) ingin memaklumkan bahawa satu lencongan trafik akan dilaksanakan di laluan antara Bukit Gambir - Tangkak di KM165.35 hingga KM166.60 (Arah Utara) di Lebuhraya Utara-Selatan bermula 18 Ogos hingga 16 September 2026.

Pengaktifan lencongan trafik ini adalah sebahagian daripada usaha menambah baik infrastruktur lebuh raya dan memberi laluan kepada pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan jalan di KM166.2 (Arah Utara).

(Sila rujuk infografik yang dilampirkan)

Sehubungan itu, pengguna dinasihatkan supaya mematuhi semua papan tanda trafik yang disediakan serta arahan petugas PLUS bagi memastikan kelancaran trafik dan keselamatan semua pihak.

Pengguna juga disaran merancang perjalanan lebih awal dan mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi aplikasi PLUS, media sosial rasmi PLUS termasuk X @plustrafik, serta paparan mesej elektronik (VMS) di lokasi terpilih. Sekiranya berlaku kecemasan, pengguna lebuh raya boleh menghubungi PLUSLine di 1-800-88-0000 untuk mendapatkan bantuan.

PLUS menghargai kesabaran dan kerjasama semua pengguna lebuh raya sepanjang tempoh pelaksanaan kerja-kerja ini.

-TAMAT-


PERTANYAAN MEDIA:

Nadirah Hani Rodzi	Rofina Adam
Perhubungan Media, Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 019-343 2120 Emel: nadirah.rodzi@plus.com.my	Perhubungan Media, Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my

PENGAKTIFAN LENCONGAN TRAFIK DI LALUAN ANTARA BUKIT GAMBIR-TANGKAK DI KM165.35 HINGGA KM166.60 (ARAH UTARA) DI LEBUHRAYA UTARA-SELATAN BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN JALAN

Dijadualkan pada 18 Ogos 2026 hingga 16 September 2026,
sepanjang 24 jam

Arah Selatan/Johor Bahru/Bukit Gambir →



Petunjuk:

- Kawasan kerja dan penutupan
- Penghadang jalan konkrit
- Kon keselamatan
- Arah lencongan kenderaan
- Arah aliran kenderaan

Sila patuhi arahan pengawal/papan tanda trafik di lokasi demi keselamatan bersama

Ikuti kami di media sosial



www.plus.com.my

PLUSLine 1800-88-0000

Aplikasi PLUS

PUTRI

Ahli Kumpulan UEM